

# Pertemuan bukan untuk jatuhkan parti - Mahathir

TRONOH 7 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, tindakannya mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli UMNO di seluruh negara bukan untuk menjatuhkan parti atau Barisan Nasional (BN).

Bekas Perdana Menteri itu memberitahu, beliau juga tidak mempunyai jaduALsiri jelajah seperti yang dikatakan tetapi cuma memberi penerangan apabila mendapat jemputan.

"Saya tak tahu mengenai siri jelajah itu dan saya hanya pergi apabila mendapat jemputan.

"Cuma saya rasa ia mengugat UMNO dan BN kerana penjelasan diberikan oleh saya dapat diterima oleh orang ramai," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menyampaikan syarahan perdana, 'Cabaran-Cabaran Mentadbir Sesebuah Negara' di Universiti Teknologi Petronas (UTP), di sini hari ini.

Dr. Mahathir adalah Canselor UTP. Turut hadir isteri beliau, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Beliau diminta mengulas kenyataan Setiausaha Agung UMNO yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad yang menyatakan siri jelajah Dr. Mahathir akan mengugat UMNO dan BN.

Radzi berkata, keadaan ini sama semasa pilihan raya 1999 apabila UMNO dan BN kehilangan banyak undi majoriti di kubu kuat BN seperti di Shah Alam dan Selangor, ekoran banyak ahli dan penyokong UMNO terkeliru dengan isu pada masa itu.